

30 JAN 1998

Megat-Harga

SENARAI HARGA PEMBORONG YANG DISYORKAN BAGI ELAK KENAIKAN MENDADAK

PETALING JAYA, 30 Jan (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bercadang memperkenalkan Harga Pemborong Disyorkan (RRP) bagi mengelakkan kenaikan mendadak harga barangan yang tiada dalam senarai kawalan.

Menterinya, Datuk Megat Junid Megat Ayob berkata, RRP akan membantu pengguna-pengguna mengetahui harga sebenar barangan dan mengelakkan pemborong atau penjual mengaut keuntungan yang besar.

Senarai RRP ini pada mulanya akan merangkumi barangan yang dibotol, dibungkus atau ditinkan seperti barangan minuman, katanya ketika mengulas kemungkinan harga barangan dinaikkan selepas perayaan berkembar ini.

"Saya akan bincang dengan pemborong- pemborong bagaimana hendak melaksanakannya. Misalnya, kos minuman botol 1.5 liter adalah RM1.10 sebotol tetapi ada yang menjualnya dengan harga berlipat ganda, sampai RM10 di hotel," katanya kepada pemberita di Rumah Terbuka Hari Raya Puasa beliau di sini, hari ini.

Megat Junid berkata adalah sukar mengawal harga barangan kerana hanya terdapat 20 jenis barangan yang diletakkan dalam senarai barangan kawalan (controlled item) dan 12 jenis dalam senarai harga barangan kawalan (price controlled goods).

Pegawai-pegawai Kementerian sedang menyenaraikan semua barangan yang boleh diletakkan dalam RRP dan ia akan diserahkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan mengambil kira kos pembuatan, komisen kepada pemborong dan peruncit. Misalnya, jika kos sebotol RM1.10, kita mungkin tetapkan harga maksimum RM2 dan terserah kepada peniaga menjual lebih murah," kata beliau.

Megat Junid berkata jika cadangan itu berjaya, senarai RRP itu akan diperluaskan untuk merangkumi barangan seperti sardin dan serbuk pencuci tetapi semua ini mengambil masa kerana terdapat ramai pengilang, misalnya terdapat 26 syarikat pengeluaran minuman.

Bagaimanapun, ia hanya akan meliputi barangan yang dipasarkan dalam negeri dan pemborong bebas meletakkan harga bagi barangan yang dieksport, katanya.

Mengenai kekurangan gula, Megat Junid berkata beliau menjangkakan masalah itu akan selesai menjelang Isnin ini apabila harga baru gula mula berkuatkuasa.

Mulai 1 Feb, harga gula naik 25 sen kepada RM1.45 sekilogram manakala tepung naik 20 sen kepada RM1.20 sekilogram.

Beliau tetap menyatakan masalah ini wujud bukan disebabkan oleh kekurangan gula tetapi tindakan beberapa pihak menyoroknya bagi mengaut keuntungan apabila harga baru mula berkuatkuasa.

Rampasan empat lori yang memuatkan gula di Perlis dan Kelantan menunjukkan terdapat pihak- pihak tertentu mengambil kesempatan menyorok gula.

"Ini adalah satu pengajaran pada saya...saya baru lagi di Kementerian. Niat elok tak jadi kenyataan...dalam perniagaan ada yang jujur dan ada yang tidak," kata Megat Ayob yang mengumumkan kenaikan harga itu bulan lepas. --

BERNAMA

AR PR